

MAHATHIR-KAMPUCHEA 2'2'2'

(1)

1982

KUALA LUMPUR, 24 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU MASYARAKAT ANTARABANGSA SUPAYA MENG-
HULURKAN BANTUAN UNTUK MEMPERKUATKAN KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA
YANG DIKETUAI OLEH PUTERA SIHANOUK.

PENUBUHAN KERAJAAN CAMPURAN ANTARA TIGA PUAH PEMBEBASAN
NATIONALIS KHMER AKAN MENYUMBANG TERHADAP PENCAPAIAN PENYELESAIAN
POLITIK SEPERTI TERBAYANG DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI
KAMPUCHEA (ICK), KATANYA.

BERUCAP MERASMIKAN SIMPOSIUM JEPUN-ASEAN ANJURAN KUMPULAN AKBAR
JEPUN MAINICHI DI SINI, BELIAU BERKATA PENDEKATAN ASEAN TERHADAP
PENYELESAIAN MASALAH ITU BERTUJUAN MEWUJUDKAN SATU NEGARA KAMPUCHEA
YANG BERDAULAT, BEBAS DAN BERKECUALI YANG DIHORMATI DAN DIJAMIN OLEH
KUASA-KUASA BESAR.

PENYELESAIAN ITU BUKAN SAHAJA MENNGELAKKAN CAMPURTANGAN DAN
KONKONGAN KUASA-KUASA LUAR TETAPI JUGA MERUPAKAN SATU LANGKAH
PENTING DALAM USAHA MEWUJUDKAN SATU ZON AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI
(ZOPFAN) DI TENGGARA ASIA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA CAMPURTANGAN
TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA BUKAN SAHAJA TELAH MELANGGAR PRINSIP-
PRINSIP UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DAN PIAGAM BANGSA-BANGSA
BERJAU TETAPI JUGA MENJEJAS TINDAKAN ASEAN UNTUK MEWUJUDKAN KERJA-
SAMA YANG BERMAKNA DENGAN HANOI. -- LAGI 1955/52

MAHATHIR-KAMPUCHEA 2 KUALA LUMPUR

+PERSAINGAN CHINA-SOVIET TELAH MENINGKATKAN SUASANA TIDAK STABIL DI RANTAU INI,+ KATANYA.

KESEDARAN BAHAWA PERSAINGAN INI HESTI BIHAPUSKAN DARI INDO-CHINA SEBELUM WUJUDNYA SEBARANG KEMUNGKINAN DIADAKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DI ASIA TENGGARA TELAH MEMBUAT ASEAN LEBIH BERAZAM UNTUK MENGEJAR MATLAMAT SEBENAR ZOFFAN.

+DALAM KONTEKS INI, TUMPUAN UTAMA DALAM USAHA ASEAN IALAH Mencari penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea,+ KATANYA.

KEPADA ASEAN, KEHADIRAN TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA YANG CERTERUSAN AKAN BERMakNA CAMPURTANGAN, KONGKONGAN DAN PERMUSAHAN DI KALANGAN KUASA-KUASA BESAR YANG AKAN MEMBWA KEPADA SITUASI YANG TIDAK STABIL DI RANTAU INI.

+MASALAH KAMPUCHEA PERLU DISELESAIKAN DENGAN CEPAT UNTUK FAEDAH VIETNAM DAN JUGA ASEAN,+ TAMBAHNYA.

SELAIN DARIPADA KEADAAN TIDAK STABIL DAN KERAGUAN DISEBABKAN OLEH KEADAAN DI INDOCHINA, KEMEROSOTAN EKONOMI DUNIA SEKARANG JUGA MENGANCAM UMenjejas USAHA-USAHA PERINDUSTRIAN ASEAN. -LAGI

MAHATHIR-KAMPUCHEA 3 KUALA LUMPUR

+NEGARA-NEGARA MAJU TELAH MENGGUNAKAN TEKTIK-TEKTIK PERLUNDUNGAN UNTUK INDUSTRI-INDUSTRI MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA JIKA SIKAP INI TIDAK DIKAWAL, BUKAN SAHAJA BARANGAN EKSPORT NEGARA-NEGARA MEMBANGUN AKAN TERJEJAS TETAPI USAHA-USAHA PEMBANGUNAN DANPERINDUSTRIAN AKAN TERTINDAS.

TETAPI ASEAN, MENERUSI KEDUDUKAN BERSATU DAN USAHA-USAHA BERSAMA, TELAH BERJAYA MENGHADAPI CABARAN-CABARAN INI.

KIRA-KIRA 150 ORANG PESERTA TERDIRI DARI EKSEKUTIF KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA TERMASUK MEREKA DARI FIRMA-FIRMA JEPUN DI SINI DAN DIPLOMAT-DIPLOMAT ASEAN MENGHADIRI SIMPOSIUM TIGA HARI ITU.

MENGHADIRI SIMPOSIUM ITU BAGI KALI PERTAMANYA IALAH TIGA ORANG PEGAWAI DARI KERAJAAN BRUNEI.

SEBANYAK 13 KERTAS KERJA OLEH ORANG-ORANG KENAMAAN DARI MALAYSIA, NEGERI JEPUN, INDONESIA, NEGERI THAI, SINGAPURA DAN FILIPINA AKAN DIBINCANGKA DI SIMPOSIUM ITU. --BERNAMA 2015/OM